



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 4/1999**

**Maklumat Perancangan Bagi Tujuan Penentuan Pampasan Di
Bawah Seksyen 9A Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486]
(Disemak 2009)**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 4/1999
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

Kawalan Versi Dokumen

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 4/1999

Maklumat Perancangan Bagi Tujuan Penentuan Pampasan Di Bawah Seksyen 9A Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486] (Disemak 2009)

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pentadbir Tanah mengenai maklumat yang perlu diperoleh daripada Pengarah Perancangan Bandar dan Desa Negeri atau Datuk Bandar Kuala Lumpur atau Pihak Berkuasa Tempatan, mengikut mana yang berkenaan, menurut seksyen 9A, Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 [Akta 486].

2. Subperenggan baru 1(2BA) Jadual Pertama, APT 1960 memperuntukkan prinsip-prinsip dalam menentukan pampasan tanah hendaklah ditafsirkan dengan mengambil kira kegunaan khusus tanah seperti yang dinyatakan dalam pelan pembangunan bagi sesuatu pihak berkuasa perancangan tempatan. Pihak berkuasa tempatan seperti majlis perbandaran atau majlis daerah juga adalah pihak berkuasa perancangan tempatan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 5(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

3. Seksyen 9A, APT 1960 memperuntukkan bahawa Pentadbir Tanah hendaklah mendapat maklumat mengenai tanah terjadual daripada Pengarah Perancangan Bandar dan Desa Negeri atau Datuk Bandar Kuala Lumpur atau Pihak Berkuasa Tempatan, mengikut mana yang berkenaan, seperti berikut:

- a) sama ada tanah terjadual terletak di dalam kawasan pihak berkuasa perancangan tempatan;
- b) sama ada tanah terjadual tertakluk kepada mana-mana pelan pembangunan di bawah undang-undang yang berkaitan dengan Perancangan Bandar dan Desa; dan
- c) jika ada pelan pembangunan, kegunaan tanah terjadual seperti yang dinyatakan dalam pelan pembangunan tersebut.

4. Menurut peruntukkan subseksyen 9A(4) APT 1960, Pengarah Perancangan Bandar dan Desa Negeri atau Datuk Bandar Kuala Lumpur atau Pihak Berkuasa Tempatan, mengikut mana yang berkenaan, dikehendaki mengemukakan maklumat-maklumat tersebut dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh permintaan dibuat oleh Pentadbir Tanah. Walau bagaimanapun, sekiranya tempoh masa yang ditetapkan itu tidak dipatuhi, ianya tidak akan menyebabkan sesuatu pengambilan tanah atau award tidak sah.

5. Untuk memudahkan Pentadbir Tanah berurusan dengan Pengarah Perancangan Bandar dan Desa Negeri atau Datuk Bandar Kuala Lumpur atau Pihak Berkuasa Tempatan, mengikut mana yang berkenaan, Pentadbir Tanah adalah dinasihatkan supaya menggunakan contoh surat seperti di **Lampiran A**. Pentadbir Tanah juga hendaklah mengemukakan maklumat-maklumat perancangan seperti di **Lampiran A1** kepada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta bagi tujuan penyediaan laporan penilaian.

6. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Jabatan Peguam Negara dan berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan.

Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan

Rujukan Tuan :

Rujukan Kami :

Tarikh :

Pengarah Perancangan Bandar dan Desa Negeri/
Datuk Bandar Kuala Lumpur/Pihak Berkuasa Tempatan

Tuan,

MAKLUMAT PERANCANGAN BAGI TUJUAN PENENTUAN PAMPASAN DI BAWAH SEKSYEN 9A, AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa penilaian tanah yang diambil hendaklah mengambil kira kegunaan khusus tanah tersebut sebagaimana yang dinyatakan dalam pelan pembangunan selaras dengan prinsip subperenggan 1(2BA), Jadual Pertama, Akta Pengambilan Tanah 1960.

2. Berdasarkan kepada peruntukkan di bawah seksyen 9A Akta Pengambilan Tanah 1960, sukacita sekiranya tuan dapat memberi maklumat perancangan dengan mengisi borang seperti di **Lampiran A1** yang disertakan dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh surat ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

.....
(Pentadbir Tanah)

**MAKLUMAT PERANCANGAN BAGI TUJUAN PENENTUAN PAMPASAN DI BAWAH
SEKSYEN 9A AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960**

[Hendaklah diisi oleh Pentadbir Tanah berserta pelan pengambilan tanah]

No. Lot :

*Mukim/Pekan/Bandar :

Daerah :

No. Syit Ukur :

1. Adakah tanah tersebut terletak di dalam kawasan Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan?

		Tarikh dilulus/diwarta
**YA	<input type="checkbox"/>	** Struktur <input type="checkbox"/> _____
**TIDAK	<input type="checkbox"/>	**Pelan Tempatan <input type="checkbox"/> _____

- a) Jika YA, apakah kegunaan tanah terlibat sepetimana dinyatakan di dalam pelan pembangunan dan apakah zon kegunaan tanah terlibat?

- b) Jika TIDAK, apakah potensi pembangunan dan sudut gunatanah?

- c) Nama Pihak Berkuasa Tempatan _____

3. Apakah status kelulusan di sekitar lot yang terlibat?

4. (a) Adakah terdapat apa-apa permohonan untuk memajukan tanah tersebut?

**YA	**TIDAK	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
------	---------	--------------------------	--------------------------

- (b) Sekiranya ada permohonan-

i) Tujuan permohonan: _____

ii) Tarikh Diluluskan / Ditolak: _____

iii) Tarikh luput kelulusan: _____

- (c) Lain-lain: _____

.....
(Tandatangan)

Nama Pegawai Perancang Bandar:

Tarikh :

Cop Jabatan :

*Potong yang berkenaan.

**Tandakan (✓) di petak yang berkenaan.